

Agong, Permaisuri zahir ucapan selamat Hari Wesak
Mei 15, 2022 @ 11:55am



استان نگار
ISTANA NEGARA | www.istananegara.gov.my | [@istana_negara](https://www.instagram.com/istana_negara/) | [IstanaNegaraOfficial](https://www.facebook.com/IstanaNegaraOfficial)

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menzahirkan ucapan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua pengikut agama Buddha di negara ini.

Menerusi perkongsian di Facebook Istana Negara, Seri Paduka Berdua menzahirkan harapan agar sambutan itu dilimpahi keamanan, kebahagiaan dan kesejahteraan.

"Semoga perayaan ini membawa keamanan, kebahagiaan dan kesejahteraan kepada semua pengikut agama Buddha," titah baginda.

Perayaan Hari Wesak disambut hari ini.

Hari Wesak disambut pengikut Buddha sebagai menandakan tiga peristiwa penting dalam kehidupan Gauthama Buddha, iaitu kelahirannya, penyedaran dan hari dia meninggal dunia.

- BERNAMA